

NO SOALAN : 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
(PADANG SERAI)**

TARIKH : 13 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan tentang rungutan para remaja yang tidak terpilih atas alasan-alasan yang tidak munasabah selepas menghadiri temuduga untuk menyertai angkatan tentera. Adakah kuota untuk kaum India bagi menyertai angkatan tentera sudah dipenuhi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa membuka peluang dan menggalakkan penyertaan para remaja serta belia dari kalangan masyarakat pelbagai kaum termasuk bukan Bumiputera, India dan Cina untuk menyertai Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Sehingga kini, ATM tidak menerima sebarang aduan daripada mana-mana pihak berhubung rungutan para remaja yang tidak terpilih atas alasan-alasan yang tidak munasabah selepas menghadiri temuduga untuk menyertai ATM. Sekiranya ada, diharapkan pihak tersebut tampil untuk membuat aduan rasmi di saluran yang tepat agar pihak-pihak bertanggungjawab dapat mengambil tindakan yang sewajarnya.

Mengikut rekod, calon-calon yang tidak terpilih adalah mereka yang tidak memenuhi syarat-syarat yang diperlukan baik dari segi kelayakan akademik mahu pun saringan kesihatan.

ATM membuka tawaran penyertaan secara terbuka tanpa menetapkan sebarang kuota kepada semua kaum dan tidak sesekali akan berkompromi dengan syarat kemasukan Pegawai dan Askar Lasykar yang sedang berkuatkuasa.

Unit Transformasi Masyarakat India (MITRA) juga pernah mengadakan mesyuarat dengan ATM dan menjalinkan kerjasama rapat termasuk mengadakan inisiatif-inisiatif seperti hebahan maklumat, kerjasama dengan Persatuan Veteran ATM dan juga NGO India serta penglibatan ikon anggota India dalam usaha menarik minat remaja kaum India menyertai perkhidmatan ATM.

Terima kasih.